

REKA BENTUK INSTRUKSI PENGAJARAN (ID-PBL) BAHASA ARAB TUJUAN KHAS (ASP)

Yuslina Mohamed, Sulaiman Ismail, Mesbahul Hoque,
Nurhasma Md. Saad & Muhamad Hj Ibrahim

ABSTRAK

Kepentingan instruksi pengajaran Bahasa sering dibahaskan dan ianya merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada ketidakcapaian objektif PdPc dan memberi kesan kepada kompetensi pelajar dalam komunikasi Bahasa Arab. Revolusi amalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab ASP telah berubah mengikut kesesuaian dan kehendak pelajar atau institusi dan ianya dipengaruhi oleh persekitaran, perkembangan tekno-logi dan tuntutan semasa yang memberi kesan kepada struktur pembangunan Instruksi Pengajaran (ID). Untuk mencapai objektif kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) maka PBL telah disinergikan bersama teknologi pengajaran (ID) untuk menghasilkan ID-PBL dalam pengajaran Bahasa Arab Tujuan Khas (ASP). ID-PBL dibangunkan berasaskan teori ADDIE yang menjadi penyokong kepada metodologi kajian. Kajian akan melalui beberapa fasa pembangunan reka bentuk ID-PBL yang bersifat inklusif yang boleh digunakan sebagai rujukan pengajar dan pelajar. Model carta alir dua dimensi diperkenalkan serentak untuk memudahkan pengajar melaksanakannya dalam PdPc. Hasil kajian akan menjadi salah satu option kaedah pengajaran yang boleh digunakan oleh pengajar untuk menjana penyampaian kandungan pengajaran berasaskan KBAT secara efektif dan dapat mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang optimum.

Kata kunci: Instruksi pengajaran, Bahasa Arab ASP, reka bentuk, Model ID-PBL

INSTRUCTIONAL DESIGN OF PROBLEM BASED LEARNING (ID-PBL) FOR ARABIC FOR SPECIFIC PURPOSES(ASP)

ABSTRACT

The importance of instruction design of the language is always being discussed among language experts. It contributes to not achieving the objective of teaching and learning, yet it has affected students' competency to communicate in Arabic. The revolution of Arabic for 'Specific Purposes' teaching and learning practice has been

transformed to suit the needs and desires of students or institutions which are influenced by the environment, technological developments, and current demands, yet it has affected the structure of the instructional design (ID) development. To achieve the objective of higher order thinking skills, the PBL has been integrated with instructional design (ID) to produce ID-PBL in teaching Arabic for specific purposes. ID-PBL has developed based on the ADDIE theory to support the methodology. This study will go through several phases of the inclusive ID-BL development framework. It can be used by teachers and students as a reference. Then, a two-dimensional flow chart model has been introduced simultaneously to help teachers in their teaching and learning. The results of this study will be one of the teaching methods options that teachers can use to deliver the content based on higher order thinking skills effectively to achieve optimal objectives in their teaching and learning activities.

Keywords: *Instructional design (ID), Arabic for specific Purposes, ID-PBL model.*

PENGENALAN

Pengajaran ialah satu proses perolehan ilmu yang berlaku di antara instruktur (*Muthaqqaf*) dan pelajar (*Mutalaqqi*) samada secara bersemuka ataupun maya melalui pendekatan atau kaedah pengajaran dan pembelajaran yang disinergikan bersama strategi dan teknik pengajaran agar objektif pembelajaran dapat dicapai secara maksimum.

Kaedah Pembelajaran bahasa Arab telah pun mengorak ke hadapan seiring dengan perkembangan teknologi masa kini yang mencetus Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dalam pendidikan. Bertepatan dengan Revolusi Industri 4.0 yang berhasrat membentuk dan melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif dan inovatif, maka beberapa kaedah pembelajaran telah diketengahkan bersesuaian dengan tuntutan pendidikan semasa ke arah merangsang pemikiran dan pembentukan daya fikir yang tinggi tanpa sempadan sebagai persiapan pelajar ke arah IR 4.0 yang mampu membangunkan insan teknologi yang disebut *Artificial Intelligent* (AI). Kepsatan perkembangan teknologi yang serba canggih dalam pelbagai sektor seperti ekonomi, perniagaan, perbankan, perdagangan, pembuatan, perkilangan dan sebagainya, pasti ia bermula dari pendidikan yang kreatif dan inovatif.

Dengan demikian, beberapa kaedah pengajaran yang bersifat inklusif telah dipraktikkan agar dapat membentuk pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan pelajar seperti Kaedah Pengajaran Abad ke 21 (PAK 21) yang berpusatkan kepada pelajar. Manakala kaedah Pengajaran Berasaskan Masalah (PBL-*Problem Based Learning*) pula adalah satu cabang kaedah PAK 21 yang lebih mencabar bagi pengajar dan pelajar. Ini kerana setiap pelajar akan memberi pandangannya berdasarkan masalah yang dibincangkan dan mengutarakan pandangan dan cadangan penyelesaian masalah tersebut. Kaedah ini memerlukan kesediaan kognitif yang tinggi. Sebagai kelangsungan perbincangan mengenai ID-PBL ini, bagaimanakah teknologi pengajaran (ID) dibentuk khusus untuk pelaksanaan kaedah PBL. Model ADDIE akan digunakan untuk merangka teknologi pengajaran (ID) PBL ini.

PBL atau Pembelajaran Berasaskan Masalah telah diperkenalkan di Kanada oleh Prof. Howard Barrow pada tahun 1960an di McMaster University (Barrow & Tamblyn, 1980). Kaedah ini digunakan secara khusus oleh Prof. Howard Barrow sebagai perintis dalam pengajaran pelajar-pelajar perubatan di bawah selianya. Prof. Howard mendapat respons dan reaksi yang positif dari pelajar-pelajarnya. Setelah itu, warga pendidik dan pensyarah mula dapat menerima kaedah PBL ini dan mula menggunakannya dalam pengajaran.

Kini, PBL mula berkembang dan menjadi satu kaedah pengajaran yang utama dalam membina daya fikir yang kreatif dan inovatif untuk golongan pelajar di peringkat universiti, PBL juga dapat meningkatkan kemahiran komunikasi mereka melalui penulisan dan perbincangan yang berterusan dengan mengetengahkan elemen Bahasa yang baik dan standard dalam subjek Bahasa Arab Pelancongan dan Ekonomi.

Reka Bentuk ID-PBL

Instruksi pengajaran adalah teknologi pembangunan kerangka pembelajaran yang dibina sebagai asas kepada pembangunan bahan. Ia merupakan satu proses atau prosedur yang sangat penting dilaksanakan sebelum membina bahan atau modul pengajaran yang bersesuaian mengikut kumpulan dan tahap pelajar melalui aktiviti yang dirangka dalam semua disiplin ilmu termasuk pengajaran Bahasa Arab. Pembangunan teknologi Bahasa Arab tidak terkecuali dari melalui proses yang melibatkan beberapa komponen yang kompleks untuk merealisasikan kandungan bahan yang tepat dan bermutu mengikut

standard kerangka ID untuk kelangsungan pdpc agar objektif pdpc Bahasa Arab dapat dicapai (Yuslina, 2019).

Mengikut Smith & Ragan (1999, p.2) Reka Bentuk Pengajaran ialah proses memindah dan menggunakan prinsip-prinsip pembelajaran dan pengajaran ke dalam satu bentuk perancangan untuk bahan serta aktiviti pengajaran. "*Designing instruction is the process of translating principles of learning and instruction into plans for instructional materials and activities.*"

perlaksanaan pembaguan teknologi pengajaran ID-PBL untuk Bahasa Arab tujuan Khas (ASP) lebih mudah berbanding disiplin Bahasa Arab yang lain. Ini kerana ciri-ciri khususnya telah diterjemah dalam objektif, dan ianya boleh dijalankan dengan hanya fokus pada satu kemahiran sahaja, seperti: kemahiran berkomunikasi dalam bidang pelancongan dan ekonomi atau kemahiran menulis laporan dalam bidang kewartawanan dan sebagainya mengikut permintaan atau hasrat (needs or desires) pelajar.

Sementara Problem Based Learning (PBL) pula adalah satu kaedah pembelajaran yang berpaksikan kepada pelajar. Pelajar perlu bersedia dengan pengetahuan yang luas bagi merungkai permasalahan-permasalahan realiti yang dikraf oleh pengajar melalui fenomena-fenomena alam yang berlaku, peristiwa-peristiwa yang menyingkap sejarah dan isu-isu semasa, bertujuan merangsang kemahiran berfikir aras tinggi untuk merungkai masalah yang timbul dengan membuat refleksi dan solusi serta cadangan terhadap perbincangan.

Mengikut Dutch (1994). PBL ialah satu kaedah instruksi pengajarannya yang menggalakkan pelajar untuk berfikir dan terus berfikir, bekerjasama dalam satu kumpulan untuk sama-sama merungkai masalah yang jelas dengan mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada dan menonjolkan kemampuan untuk menganalisis masalah dan menentukan kemungkinan-kemungkinan yang berlaku dengan menggunakan bahan rujukan yang bersesuaian.

Kaedah PBL adalah sangat berbeza jika dibandingkan dengan kaedah pengajaran klasik (*chalk and talk*). PBL memerlukan pemantauan pengajar atau instruktur yang sangat minimum dalam ruang lingkup kelas. Oleh kerana kaedah PBL adalah kaedah yang dikraf masalahnya

melalui kehidupan yang realiti, dengan demikian, PBL membuka ruang skop pelajar agar dapat melakukan penyelidikan kecil mengenai sesuatu isu atau peristiwa semasa yang menjadi permasalahan yang perlu kepada penyelesaian (Perrenet, Bouhuijs & Smits, 2000).

Problem Based Learning (PBL) juga merupakan satu pendekatan yang efektif untuk pengajaran proses berpikir aras tinggi, pembelajaran ini membantu siswa untuk memproses maklumat yang sedia ada pada pelajar dan menyusun pengetahuan mereka sendiri tentang dunia sosial dan sekitarnya. Dengan Problem Based Learning (PBL) pelajar dilatih menyusun sendiri pengetahuannya, meningkatkan keterampilan menyelesaikan masalah dengan lebih sistematik. Di samping itu, pelajar akan belajar membina masalah berdasarkan masalah yang autentik (Yeo, 2005).

PBL telah merentasi satu corak spektrum yang meluas pada masa kini, yang mana kaedah pengajaran kawalan guru telah berubah kepada pengajaran yang menekankan siasatan (*Investigate*) yang berpusatkan pelajar. Barell dan Barrows (1998) menyatakan ciri – ciri utama PBL yang digunakan secara meluas adalah seperti gambar rajah 1:



Rajah 1: Ciri-ciri PBL

1. Berasaskan masalah (Problem-based), Iaitu bermula dengan satu masalah sebenar di dalam kehidupan yang ditemui oleh pengamal.
2. Menyelesaikan masalah (Problem-solving). Iaitu menyokong kemahiran menyelesaikan masalah yang dikehendaki secara “dilatih”.

Peranan pengajar adalah memantau, memudahkan dan membangunkan proses menyelesaikan masalah secara berkesan.

3. Berpusatkan Pelajar (Student-centred). Pelajar bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengajian mereka dan bertindak sebagai fasilitator. Pengajar mesti mengelak dari pelajar bergantung sepenuhnya untuk mereka belajar dan tahu.

4. Pembelajaran Secara Terarah (Self-directed learning) Iaitu membangunkan kemahiran penyelidikan kepada pelajar. Pelajar wajib belajar bagaimana untuk mencapai maklumat apabila di perlukan untuk keadaan semasa, ini ialah satu kemahiran terpenting untuk mencapai prestasi profesional.

5. Refleksi (Reflection) merupakan ciri terakhir, Ianya berlaku berikutan semasa menyelesaikan permasalahan, boleh di lakukan melalui kumpulan perbincangan dan amat berguna untuk pemindahan masalah terbaru.

Setiap pendekatan atau kaedah tidak lari dari kebaikan dan kelemahan. Walaubagaimanapun, kesepaduan negatif dan positif ini dapat mengekalkan satu-satu kaedah dengan perlaksanaannya, kerana bukan semua kaedah sesuai dengan PdP, Pengajar harus bijak memilih metode dan pendekatan yang bersesuaian untuk dilaksanakan. Di antara kelebihan PBL ialah:

1. Merungkai masalah adalah satu teknik yang baik untuk memahami isi pelajaran. Dengan demikian ia dapat meningkatkan kemampuan pelajar serta memberi kepuasan kepada pelajar untuk mengutarakan hujah yang baru melalui aktiviti yang berterusan dan menarik. PBL juga membantu pelajar bagaimana menggunakan pengetahuan untuk memahami masalah yang realiti (Jamalludin Harun, et al, 2005).
2. Selain itu, pelajar juga akan belajar bagaimana melaksanakan tanggungjawab dalam pembelajaran dan mengembangkannya. PBL merupakan satu kaedah yang menarik dan tidak membosankan dengan demikian, pelajar berusaha mengenal pasti, mengolah dan refleksi pada masalah tanpa menyedari masa pengajaran adalah terhad, ini menjadikan pelajar berdisiplin dalam mengurus masa yang ditetapkan bagi menyelesaikan masalah.

Ciri-Ciri ID-PBL Bahasa Arab ASP

Kaedah pengajaran berasaskan masalah PBL merupakan satu kaedah yang berjaya bagi membina pemikiran kritis dan kreatif serta mampu menganalisis dan menyelesaikan masalah. Hal ini telah disokong oleh Prof. Madya Dr. Khayriah Mohd Yusof (BH 25/1/2007) menyatakan keinginan menyelesaikan masalah mendorong pelajar melaksanakan pembelajaran sendiri dan pengajaran antara rakan sebaya (*peer teaching*) dalam kumpulan dan antara kumpulan. Pelajar yang melalui PBL dapat membina kemahiran pemikiran kritis dan kreatif, menganalisis dan menyelesaikan masalah. Manakala, Tse dan Chan, (2003) menyatakan bahawa kaedah PBL sangat berkesan dalam meningkatkan pemahaman dan pengetahuan teknikal pelajar. Ini kerana, karakter atau ciri-ciri PBL itu sendiri yang memberi ruang bebas kepada pelajar untuk mengutarakan pengetahuan mereka yang sedia ada dan percambahan pengetahuan yang baru melalui refleksi yang dibuat oleh pengajar. Di antara ciri-ciri PBL yang digariskan oleh Arends adalah seperti berikut:

1. Merangka bentuk pertanyaan atau masalah.

Pembelajaran berdasarkan masalah iaitu dengan mengorganisasikan pengajaran dalam lingkungan pertanyaan dan masalah seperti: Masalah krisis Matawang yang memberi kesan kepada perkembangan ekonomi, atau masalah pelancong yang berurusan di kaunter pertanyaan.

2. Merangka perkaitan dengan disiplin lain.

Meskipun pembelajaran berdasarkan masalah mungkin berpusat pada mata pelajaran tertentu seperti Bahasa Arab Pelancongan dan Ekonomi, masalah-masalah yang diselidiki telah dipilih dari masalah yang realiti dan jelas agar pelajar tidak keliru semasa membuat tinjauan terhadap masalah tersebut serta mengaitkannya dengan disiplin lain.

3. Merangka bentuk penyelidikan autentik yang diperlukan.

Pembelajaran berdasarkan masalah mengharuskan pelajar melakukan penyelidikan autentik untuk mencari penyelesaian terhadap masalah yang dikenal pasti.

4. Merangka hasil laporan/ output yang berasaskan ID-PBL.

Pelajar perlu menghasilkan laporan yang jelas. Output tersebut boleh dihasilkan dalam pelbagai bentuk seperti: video, model, laporan dan PPT.

5. Merangka kolaborasi dan kerja sama.


Pembelajaran berdasarkan masalah adalah kaedah yang melibatkan kerjasama ahli kumpulan. Dengan demikian pelajar belajar bersosial dan menguruskan ahli dalam setiap kumpulan dengan baik.

Perbincangan Pembangunan Reka Bentuk ID-PBL

Tidak dinafikan bahawa pembangunan reka bentuk teknologi pengajaran berbasis *Problem Based Learning* (PBL) untuk pengajaran Bahasa Arab ASP menghadapi masalah. Ia terjadi disebabkan beberapa faktor yang berkaitan dengan carta alir model ADDIE dan penentuan keperluan (Needs), manakala proses pelaksanaan IDPBL-ASP boleh dilaksanakan apabila pengajar dan pelajar telah sedia dengan persiapan masing-masing. Pengajar boleh menggunakan sumber yang pelbagai untuk mengaplikasikannya terhadap kumpulan yang berbeza. Walaubagaimanapun, pengajar juga boleh menggunakan masalah yang sama agar dapat melihat perbezaan hasil ID-PBL yang berbeza bagi setiap kumpulan. Manakala pelajar pula perlu bersedia dalam kumpulan masing-masing. Pembentukan ID-PBL boleh dihasilkan melalui langkah-langkah seperti di bawah:

1. Mengklasifikasi istilah dan konsep yang belum jelas. Memastikan setiap anggota memahami berbagai istilah dan konsep yang ada dalam masalah.
2. Merumuskan masalah. Fenomena yang ada dalam masalah menuntut penjelasan hubungan-hubungan apa yang terjadi di antara fenomena itu.
3. Menganalisis masalah. Pelajar mengeluarkan pengetahuan yang sedia ada untuk mengenal pasti masalah.
4. Mengkategorikan dan menganalisis. Masalah yang dikenal pasti akan dikategorikannya mengikut jenis-jenis masalah.
5. Memformulasikan tujuan pembelajaran. Pelajar dapat merumuskan tujuan pembelajaran kerana mereka sudah tahu pengetahuan mana yang masih kurang dan masih tidak jelas. Tujuan pembelajaran akan dikaitkan dengan analisis masalah yang dibuat.
6. Mencari informasi tambahan dari sumber lain. Pada masa ini pelajar sudah tahu pengetahuan semasa yang tidak dimiliki, dan sudah punya tujuan pembelajaran. mereka harus mencari maklumat tambahan itu.
7. Mensintesis (menggabungkan) dan menguji maklumat baru dan membuat laporan.

Rajah 2: Proses pelaksanaan ID-PBL



Problem Based Learning atau Pembelajaran Berasaskan Masalah ialah suatu strategi pembelajaran yang menggunakan masalah dari fenomena, peristiwa dan isu yang realiti sebagai satu permasalahan untuk belajar tentang cara berfikir kritis dan keterampilan pemecahan masalah, serta untuk memperoleh pengetahuan dan konsep yang esensial dari materi pelajaran.

Didapati pembentukan IDPBL-ASP berasaskan model reka bentuk teknologi pengajaran ADDIE menjadi dominan di antara model-model lain, pelaksanaan reka bentuk ADDIE adalah seperti aliran kerja di bawah:

Fasa Analisis IDPBL-ASP

Dalam fasa ini, pembangunan IDPBL-ASP perlu mengenal pasti masalah yang dihadapi dan cara menyelesaikannya. Masalah boleh dikenal pasti melalui temu bual, pemerhatian, tinjauan, soal-selidik dan sebagainya. Setelah mengenal pasti masalah yang dihadapi, pembangunan perisian perlu mencari punca atau faktor yang menimbulkan masalah tersebut. Dalam fasa analisis ini juga, aspek persekitaran pembelajaran, analisis terhadap keperluan dan tahap pelajar dan objektif pembelajaran dikenal pasti. Pembangunan teknologi IDPBL-ASP perlu membuat penilaian terhadap perkara-perkara berikut:

- i) Analisa(Analysis) keperluan
- ii) Reka Bentuk(Design) IDPBL-ASP
- iii) Pembangunan(Development) IDPBL-ASP
- iv) Pelaksanaan(Implementation) IDPBL-ASP
- v) Penilaian(Evaluation) IDPBL-ASP

Kesemua analisis ini, dilakukan bagi memastikan reka bentuk pengajaran bersistem yang dihasilkan menepati atau memenuhi keperluan pelajar yang sebenarnya dan objektif pelajaran dapat dicapai.

Fasa reka bentuk bahan pengajaran IDPBL-ASP

Fasa reka bentuk ialah proses memindahkan maklumat daripada fasa analisis kepada satu lakaran fizikal yang akan digunakan semasa proses pembinaan. Kesemua maklumat keperluan dalam proses reka bentuk ini diambil dari fasa analisis. Semasa membina reka bentuk bahan pengajaran ASP, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

- i) Memilih kandungan bahan pengajaran ASP berdasarkan kandungan yang telah dirangka dalam fasa analisis.
- ii) Memilih aktiviti pengajaran dan pembelajaran bersesuaian dengan objektif pembinaan bahan pengajaran ASP.
- iii) Memilih kaedah penyampaian maklumat mudah difahami dan bersesuaian dengan keperluan pelajar.
- iv) Menentukan reka bentuk bahan bersesuaian dengan teori pembelajaran dan strategi pembelajaran yang dirancang.

Pembangunan bahan pengajaran IDPBL-ASP

Pembangunan bahan pengajaran ASP akan melibatkan proses membangunkan bahan pengajaran. Pembangunan bahan pengajaran perlu dibangunkan berdasarkan reka bentuk yang telah ditetapkan dalam fasa reka bentuk. Proses membangun bahan pengajaran ini melibatkan pakar-pakar pembangunan bahan dan pakar kandungan.

Perlaksanaan pembangunan bahan pengajaran IDPBL- ASP

Fasa pelaksanaan ini adalah fasa membangun bahan pengajaran ASP oleh instruktur dan melaksanakan bahan pengajaran tersebut. Kesemua elemen utama yang telah direka bentuk dalam fasa sebelum ini perlulah disinergikan ke dalam bahan pengajaran ASP yang menyeluruh melalui proses berikut:

Fasa Penilaian pembangunan bahan IDPBL- ASP

Fasa ini merujuk kepada proses pengujian dan penilaian bahan yang dibangunkan untuk memastikan isi kandungan, grafik, audio, video yang sesuai. Fasa ini akan menguji adakah objektif bahan yang dibangunkan tercapai ataupun tidak. Menurut Cozby,P.C (2001), bagi menjamin satu sistem berjalan dengan lancar dan mencapai objektif,

penilaian harus dilakukan. Manakala jenis penilaian formatif dan sumatif akan digunakan untuk menilai bahan yang dibangunkan.

Instruktur harus mengetahui aspek reka bentuk pengajaran kerana tanpa perancangan yang lengkap dan sistematik, seseorang instruktur tidak dapat mencapai keberkesanan dalam pengajaran terutamanya dalam proses pemilihan dan pengaplikasian bahan ASP pengajaran. Terdapat banyak model reka bentuk pengajaran seperti yang disenaraikan di atas, tetapi keseluruhannya mengandungi beberapa aspek asas yang merangkumi:

- i) analisis keperluan institusi terhadap kursus ASP;
- ii) menentukan matlamat dan objektif kursus ASP;
- iii) memilih dan membina kandungan bahan pengajaran ASP
- iv) mencuba sistem pengajaran ID-PBL ASP; dan
- v) menilai keseluruhan sistem ID-PBL ASP

Kaedah PBL masih belum digunakan secara meluas atau istilah lainnya, kaedah ini kurang mendapat sambutan di kalangan pensyarah Bahasa Arab FPBU terutamanya pensyarah yang mengajar Bahasa Arab tujuan khas (ASP), Hal ini berlaku kerana pensyarah merasa selesa menggunakan buku teks atau modul yang telah disediakan semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Yuslina, 2018).

Kaedah PBL yang dilaksanakan oleh pensyarah semasa pengajaran dan pembelajaran tidaklah terlalu mengikut prosedur proses perlaksanaannya yang sebenar, pensyarah telah membahagikan pecahan tajuk mengikut minggu, manakala setiap minggu pensyarah akan menggunakan kaedah pengajaran yang berbeza. Ini kerana pensyarah berusaha untuk menarik minat pelajar untuk terus belajar (Yuslina, 2018).

Perlaksanaan PBL dalam kursus Bahasa Arab, secara umumnya telah memenuhi kriteria atau ciri-ciri PBL tetapi penyusun atur sesuatu komponen telah di campur adukkan menyebabkan tiada flow carta aliran PBL yang berlaku. Seperti sedia maklum, pensyarah juga perlu memahami konsep kaedah PBL terlebih dahulu sebelum mengimplemenkannya dalam pengajaran dan pembelajaran (Yuslina, 2018).

Pensyarah juga perlu lebih kreatif dalam menyediakan bahan-bahan PBL dari sumber yang pelbagai. Pensyarah sewajarnya dapat

memastikan terlebih dahulu tentang masalah realiti dalam bahan sumber yang dipilih agar dapat memudahkan perbincangan bersama ahli kumpulan.

Penutup

Reka bentuk ID-PBL adalah satu bentuk pembangunan instruksi pengajaran (ID) yang dapat melatih pelajar agar dapat berfikir kritis dan kreatif dalam pelajaran ASP Bahasa Arab Ekonomi dan Pelancongan. Pembangunan reka bentuk ID-PBL memerlukan usaha pengajar yang kreatif untuk mengkraf masalah dari pelbagai sumber bercetak atau elektronik. Kaedah PBL ini adalah kaedah yang berpusatkan kepada pelajar secara total, manakala pengajar atau instruktur perlu memastikan bahawa pelajar telah bersedia dengan pengetahuan yang baik agar PBL dapat dilaksanakan dengan jayanya, ini kerana kaedah ini mampu membentuk pelajar yang berdaya fikir yang tinggi dan berpengetahuan luas melalui elaborasi idea yang tiada had terhadap permasalahan yang dikenal pasti. Reka bentuk IDPBL-ASP ini dapat memberi manfaat yang besar terhadap kemahiran berfikir aras tinggi setiap pelajar dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan kreatif dalam perhitungan masalah melalui reka bentuk IDPBL-ASP yang dibina ini. ID-PBL menggalakkan setiap pelajar dalam kumpulan untuk berinteraksi mengikut peranan yang ditaklifikasikan semasa pelaksanaan aktiviti ini.

RUJUKAN

- Ainon Mohd. (2003). "Teori dan Teknik Kepimpinan Panduan Aplikasi di Tempat Kerja". PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd: Pahang.
- Baden, M.S & Major, C.H. (2004). "Foundation of Problem-Based Learning". USA: Mc Graw Hill Education.
- Berita Harian 25 Jan 2007. "Pembelajaran Berpasukan Bentuk Kemahiran Insan". Oleh Muhammad Amir.
- Barell J (1998), "Problem Based Learning, an inquiry approach", Hawker Brownlow Education, Australia.
- Borrows, H.S., (1996). "Problem Based Learning in Medicine and Beyond: A Brief Overview dalam Wilkerson, L.A and Gijsselaers W.H. Bringing Problem Based Learning to Higher Education: Theory and Practice". San Francisco: Jossey Bass Publishers. 3-12
- Barrows, H. S., (1998), "The essentials of problem-based learning", Journal of Dental Education, 62 (9), pp. 630-633.
- Conley M, Livingstone A, Meharg S., (2006), "Collaborative Problem-based Learning in a Peacekeeping Environment: The Role of the Pearson

- Peacekeeping Centre in International Peacekeeping Training”, Presented at the 6th International Conference on Knowledge, Culture and Change in Organisations, Prato, Italy, July 10-14.
- Hasyamudin Othman dan Rahifa Mustafa. (2005). Kertas Kerja Perbentangan “Kemahiran Generik dalam Kelas Bercirikan Pembelajaran Berasaskan-Masalah (PBL) di Kalangan Pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein ONN (KUiTTHO)”.
- Kirby, Gary, R. & Goodpaster, Jeffery, R. (2002). “*Thinking*”. USA: Prentice Hall
- Larrivee, Barbara (2000). Transforming Teaching Practice: Becoming the critically reflective teacher. *Reflective Practice* 1 (3): 293
- Leitch, Ruth; Day, Christopher (2000). Action research and reflective practice: towards a holistic view. *Educational Action Research* 8: 179
- Perrenet J.C., Bouhuijs P.A.J. Smits J.G.M.M. (2000), “The Suitability of Problem-based Learning for Engineering Education: theory and practice”, *Teaching in Higher Education*, Vol. 5, No. 3.
- Sparks, D, Hirsh, S. (2000), “A new vision for staff development, Activating and Engaging Habits of Mind”, Edited by Costa A. L. and Bena Kallick by Association for Supervision and Curriculum Development.
- Taufiq. M, Amir (2009). *Inovasi Pendidikan Melalui Problem Based Learning*. Jakarta: Media Group
- Trianto. (2007). *Model-model Pembelajaran Inovatif Berorientasi Konstruktivistik*. Jakarta: Prestasi Pustaka
- Yeo, R. (2005), “Problem-based learning: a suitable approach in tertiary education?”, in Tan, K., Mok, J., Lee, M. and Ravindran, R. (Eds), “*Problem-based Learning: New Directions and Approaches*”, Teinasek Centre for Problem Based Learning, Singapore, pp. 93-113.
- Yuslina Mohamed, Wan Azura wan Ahmad, Sulaiman Ismail (2018), *Aplikasi model instruksi pengajaran PBL Bahasa Arab Pelancongan*, Prosiding Persidangan SPPA 2018 UITM Seremban, Negeri Sembilan.
- Yuslina M. and others (2013), *A Method of classifying vocabulary and terminology in Arabic for Specific Purposes’ (ASP): A tool to generate Arabic words*, Conference paper, Islamic Innovation 2013, Malaysia: Nilai.
- Yuslina Mohamed, (2011), *The Noun Phrases of Arabic for Journalism (AFJ) for Non- native Speakers*, University of Jordan , Jordan: Amman
- Yuslina Mohamed, (2012), *A Model of Syllabus Design In Arabic for Military Purposes*, Kuala Lumpur, Malaysia : i-Book Publication.
- Yuslina Mohamed, Ayad Abdullah, Ahmad Pangidoan Nasution (2013), *Al lughah Al Arabiyyah Al Ittosoliyyah Wa Atthaqofiyah*, Nilai, Malaysia: Penerbit USIM.
- Yuslina Mohamed, Bhasah Abu Bakar, Noorhayati Hashim, Rashid Kirembwe,(2013), *Al Asolah Fi Arabiyyah Lil aghrad Khossah*, Jurnal Proceeding Dirasat Ijtima’iyyah, volume (18),Issue (36),

- Special Issue, March 2013. Sanaa', Yemen: University of Science and Technology.
- Yuslina Mohamed & Hajib, Z. A. (2018). COMMON NOUN PHRASES IN ARABIC AND MALAY NEWSPAPERS: A CONTRASTIVE STUDY. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 2(1), 23-40. Retrieved from <https://al-qanadir.com/index.php/aq/article/view/24>
- Yuslina Mohamed, (2011) [At Tarakib Al Ismiyyah Al Arabiyyah Allazimah Li Aghrad Sohafah Linnatiqin Bighairiha](#) Y Mohamed - Jordan, University of Jordan, Amman.
- Zhang L f, (2004), "Predicting cognitive development, intellectual styles, and personality traits from self-rated abilities", *Learning and Individual Differences* 15, pp.67-88
- Zimmerman, B.J. (1990), "Self-regulated learning and academic achievement: an overview", *Educational Psychologist*, 25(1), pp. 3-17.

Profesor Madya Dr. Yuslina Mohamed

Sulaiman Ismail

Dr. Mesbahul Hoque

Dr. Nurhasma Md. Saad

Dr Muhamad Hj Ibrahim

Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan

E-mail: yuslina@usim.edu.my

E-mail: sulaiman.i@usim.edu.my

E-mail: mesbahul@usim.edu.my

E-mail: nurhasma@usim.edu.my

E-mail: mohamed@usim.edu.my